



### UPM Pertahan Juara Pesta Hoki USM Kategori Lelaki dan Wanita



Pasukan hoki UPM (kategori lelaki) yang memenangi juara di Pesta Hoki USM Pulau Pinang baru-baru ini.

**PULAU PINANG, 13 Disember** – Universiti Putra Malaysia (UPM) mempertahankan juara kategori lelaki dan wanita Pesta Hoki USM Penang – International 2009 setelah bertemu dengan pasukan dari universiti yang sama di Padang Hoki Astoturf, Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Pada perlawanan akhir tersebut, pasukan hoki lelaki UPM B telah menewaskan pasukan UPM C dengan jaringan 1 – 0, manakala pasukan hoki wanita UPM B telah menewaskan pasukan UPM A dengan jaringan 2 - 1.

Dalam kategori hoki staf, pasukan hoki lelaki UPM A mendapat tempat ketiga setelah ditewaskan oleh pasukan Nur Insafi dari Pulau Pinang dengan jaringan 3-0 pada peringkat separuh akhir.

Pemain hoki UPM, Baljit Singh Sarjab Singh dinobatkan sebagai pemain terbaik kejohanan dan Mohd Harfizi Baharom pula Penjaga Gol Terbaik Kejohanan sementara Norbaini Hashim pemain terbaik wanita dan Khairunnissah Kamaruzaman sebagai Penjaga Gol Terbaik.

Pada kejohanan kali ini, pasukan hoki UPM telah menghantar sebanyak tujuh pasukan iaitu tiga pasukan hoki lelaki, dua pasukan wanita dan dua pasukan hoki staf.



*Antara pemain wanita pasukan hoki UPM yang berjaya di peringkat akhir pertandingan Pesta Hoki USM Penang-International.*

**Berita asal disediakan oleh Wan Zaharuddin Wan Abdullah dan disunting oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia